



PERSEPSI PENDENGAR KELAS AGAMA TERHADAP PENGAJIAN AGAMA DI MASJID-MASJID DAERAH HULU LANGAT

Oleh:

Fakhrul Adabi Abdul Kadir*

fakhruladabi@um.edu.my

ABSTRACT

The role of a mosque from the beginning until to this day as a learning centre has been acknowledged. Hence almost every mosque in Malaysia has programs for religious classes as their main activity for the formation of a knowledge society and individuals. This research focuses on community perceptions of religious classes conducted in the mosques of the district of Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. The perceptions required in this research were about the tutors of religious classes, teaching contents, teaching techniques and class schedules at the mosques. In collecting datas, the research used the method of literarture review and field research methods including questionnaires, interviews and observation.

KEYWORDS: mosque, da`wah, religious class, District of Hulu Langat

PENGENALAN

Peranan institusi masjid sebagai pusat penyebaran ilmu-ilmu agama dapat dilihat melalui program kelas agama yang diadakan kepada masyarakat setempat. Di Malaysia hari ini, program kelas agama di masjid merupakan salah satu aktiviti utama bagi setiap masjid. Perkara yang sama juga berlaku di masjid-masjid Daerah Hulu Langat, Masjid Daerah Hulu Langat telah berperanan dengan baik sebagai pusat pendidikan dan pusat pembangunan rohani. Oleh itu didapati kesemua masjid di Daerah Hulu Langat telah

* Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ph.D, adalah pensyarah kanan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



mengadakan program kelas agama untuk masyarakat setempat. Namun begitu, apakah pandangan para pendengar atau pelajar yang mengikuti kelas agama tersebut, adakah mereka berpuas hati atau sebaliknya? Kajian ini memberi tempuan untuk menilai persepsi pendengar kelas agama terhadap beberapa aspek iaitu; mutu penceramah, bahan pengisian, teknik pengajaran dan waktu pengajaran.

PENGISIAN KELAS AGAMA

Pengisian kelas agama dalam kajian ini memberi maksud mata pelajaran yang diajar dalam kelas tersebut. Menurut *Kamus Dewan* pengisian bermaksud perihal atau perbuatan mengisi atau mengisikan.¹ Oleh itu pengisian kelas agama dapatlah difahamkan sebagai perbuatan mengisi ilmu-ilmu yang berfaedah (mengajarkan ilmu) kepada ahli jemaah yang hadir untuk mendengar pengajaran di masjid.

Secara dasarnya pengisian atau mata pelajaran yang diajar dalam kelas agama di masjid-masjid daerah Hulu Langat adalah ilmu-ilmu Islam yang berasaskan al-Qur'an dan Sunnah. Ini kerana al-Qur'an al-Karim adalah sumber pertama bagi pengetahuan Islam. Oleh itu, semua ilmu agama yang lain seperti ilmu akidah, ibadat, akhlak dan adab serta perundungan wajib merujuk kepada asasnya yang utama iaitu al-Qur'an. Manakala Hadith merupakan penerangan dan penjelasan terperinci kepada al-Qur'an.²

Hasan al-Bannā (1906-1949M) menyatakan bahawa umat Islam perlu memahami al-Qur'an dan Sunnah kerana kedua-duanya adalah sumber rujukan kepada semua Muslim untuk mengetahui hukum-hakam agama Islam. Beliau menegaskan, al-Qur'an mestilah difahami selari dengan kaedah bahasa Arab tanpa memberat-beratkan dan membuta-tuli serta memahami Sunnah yang suci bersumberkan perawi-perawinya yang dipercayai.³

Jum'ah Amin menambah bahawa pengajaran-pengajaran Islam adalah bersumberkan dari dua sumbernya yang asas iaitu al-Qur'an dan Sunnah. Apabila umat Islam berpegang teguh dengan keduanya nescaya mereka tidak akan sesat selama-lamanya. Oleh itu, umat Islam hari ini

¹ Teuku Iskandar (2002), *Kamus Dewan: Edisi Ketiga*, c. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 500.

² Al-Qarāđāwī, Yūsuf (1986), *Thaqāfah al-Dā'iyyah*, c. 8. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 8.

³ Al-Bannā, Hasan (t.t.), *Majmū'ah Rasā'il al-Imam al-Shāhid Hasan al-Bannā*. Kaherah: Dār Shihāb, h. 268.



Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat perlu memahami al-Qur'an dan Sunnah sebagaimana para sahabat, para *tabi'in* dan *salaf al-salih* memahaminya.⁴

Menurut Muhammad al-Ghazālī, bahawa para ulama' telah sepakat mengatakan al-Qur'an itu sebagai sumber yang pertama untuk mempelajari Islam. Ianya merupakan mukjizat yang kekal abadi yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.. Begitu juga para ulama' bersepakat mengatakan Sunnah pula menjadi sumber yang kedua untuk umat Islam menjadikannya sebagai bahan rujukan. Maka kedua-duanya merupakan perkara asas yang perlu dipelajari oleh setiap Muslim.⁵ Ibn Khaldūn (1332-1406M.) dalam kitabnya *Muqaddimah Ibn al-Khaldūn* telah menyarankan supaya diadakan pengajian mengenai al-Qur'an dan Sunnah. Beliau menjelaskan bahawa, dasar dari kesemua ilmu-ilmu *naqlī* adalah dari sumber yang sah iaitu al-Qur'an dan Sunnah, yakni hukum yang telah disyariatkan kepada manusia oleh Allah S.W.T.. Maka haruslah diadakan pengajian terhadap al-Qur'an sama ada ilmu tafsir atau ilmu qiraat. Kemudian perlulah mempelajari Sunnah dengan membicarakan perawi-perawi yang menukilkannya, serta mengetahui hal-ehwal dan keadilan mereka untuk menemui kebenaran Hadith yang diriwayatkan oleh mereka.⁶

Ilmu agama juga dikenali dengan ilmu pengetahuan Islam (*al-thaqāfah al-Islāmiyyah*). Ilmu pengetahuan Islam bermaksud ilmu-ilmu yang bersumberkan dari al-Qur'an dan Sunnah dan membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Ianya merupakan ilmu-ilmu utama yang perlu dimiliki oleh para pendakwah yang menyeru manusia kepada Islam. Ilmu-ilmu tersebut ialah al-Qur'an al-Karīm serta tafsirnya, al-Sunnah al-Nabawiyah beserta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya dan fiqh Islami yang membicarakan perkara-perkara mengenai ibadat, muamalat dan adab (tata susila).⁷

Ilmu agama terbahagi kepada ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Ilmu fardhu ain merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu Muslim yang aqil baligh sama ada lelaki mahupun perempuan. Ilmu tersebut mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan akidah, syariat dan akhlak. Manakala ilmu fardhu kifayah pula menurut ketentuan Islam diwajibkan ke atas masyarakat Islam mempelajarinya secara

⁴ Amin, Jum'ah (1989), *al-Da'wah Qawā'id wa Uṣūl*, c. 2. Iskandariah: Dār al-Da'wah, h. 30-31

⁵ Al-Ghazālī, Muḥammad (1987), *Dustūr al-Wihdah al-Thaqāfah Bayn al-Muslimīn*, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 27.

⁶ Ibn Khaldun (2002), *Mukadimah Ibn Khaldun*, (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 550.

⁷ Al-Qarāḍāwī (1986), *op. cit.*, h. 7.



kolektif, bukan menjadi kewajipan atau tuntutan ke atas setiap individu melakukannya, seperti ilmu pengurusan jenazah dan seumpamanya.⁸

Berdasarkan kepada beberapa penjelasan di atas, maka dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pengisian dalam kelas agama yang diadakan di masjid-masjid daerah Hulu Langat pada masa dahulu hingga kini adalah perkara-perkara mengenai ilmu agama yang berasaskan al-Qur'an dan Sunnah seperti: ilmu tafsir al-Qur'an, tajwid, Hadith, fekah, sirah nabi, tasawwuf dan seumpamanya. Keadaan ini bersesuaian dan bertepatan dengan nama yang telah diberikan kepadanya iaitu kelas agama.

MATLAMAT KELAS AGAMA

Matlamat pengajian kelas agama yang dijalankan di masjid-masjid Daerah Hulu Langat adalah seiring dengan matlamat pendidikan Islam itu sendiri. Ini kerana pengajian kelas agama adalah salah satu pendekatan dalam sistem pendidikan Islam. Oleh itu, untuk memahami matlamat yang ingin dicapai dari pengajian kelas agama, sebaiknya difahami secara umum tentang matlamat pendidikan Islam.

Menurut Ahmad Mohd Salleh, matlamat pendidikan Islam ialah untuk mewujudkan individu yang saleh dalam kehidupan bermasyarakat. Manakala dalam kehidupan di dunia ianya bertujuan untuk melahirkan individu yang beramal dengan amalan-amalan Islam supaya Berjaya mencapai kebahagiaan di akhirat.⁹ Muḥammad Ḥāfiẓ al-Abīrāshī pula menjelaskan, tujuan utama dan termulia dalam pendidikan Islam adalah untuk menghaluskan akhlak dan mendidik jiwa. Beliau menambah, bahawa yang dimaksudkan dengan akhlak di sini ialah tingkah laku atau amalan manusia dalam kehidupannya sesuai dengan martabat kemanusiaannya iaitu kedudukan mulia yang telah diberikan Allah S.W.T. kepadanya melebihi makhluk-makhluk lain.¹⁰

Matlamat pendidikan Islam adalah lebih luas dan syumul, ia bertujuan mewujudkan manusia yang saleh tanpa mengira bangsa atau warganegara. Manusia yang saleh ialah mereka yang beriman kepada Allah S.W.T. dan

⁸ Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*, Selangor: Al-Rahmaniah (Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia), h. 10-11.

⁹ Ahmad Mohd Salleh (1997), *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Matlamat*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti, h. 35.

¹⁰ Al-Abīrāshī, Muḥammad Ḥāfiẓ (1976), *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Falsafatuhā*, Kaherah: Maṭba'ah al-Ḥalabī, h. 10.



Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat membersihkan dirinya dari sebarang unsur syirik serta manusia yang memiliki akhlak yang mulia sebagai hasil dari iman yang benar.¹¹

Manakala matlamat pengajian kelas agama secara umumnya adalah seiring dengan matlamat pendidikan Islam iaitu untuk membentuk generasi Muslim yang memahami Islam dengan fahaman yang sahih, menghayati ajarannya serta beramal dengan tuntutannya. Di samping itu mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertahankan Islam, menumpukan sepenuh perhatian dan pemikiran untuk Islam serta membangun ketamadunan umat berdasarkan keindahan Islam.¹²

Sebagai kesimpulan, matlamat pengajian kelas agama yang dijalankan di masjid-masjid Daerah Hulu Langat adalah bertujuan untuk melahirkan insan saleh yang berilmu, beriman, beramal dan berakhlaq mulia, serta menjadi insan yang berguna kepada masyarakat dengan melaksanakan tugas *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di 9 buah masjid yang terdapat di Daerah Hulu Langat iaitu Masjid Jamek Kajang, Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi, Masjid Sungai Sekamat, Masjid Manba'el Uloom, Cheras Jaya, Masjid Batu 10, Masjid Raja Alang, Beranang, Masjid Al-Ubudiyyah, Tasek Tambahan Ampang, Masjid Raja Muda Musa, Semenyih dan Masjid Sungai Lui, Hulu Langat. Pengkaji telah menemubual 9 orang informan yang merupakan AJK masjid terpilih yang dijadikan sampel kajian. Kajian ini juga menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan data, sebanyak 140 orang responden telah dipilih menjawab soalan tersebut. Dalam kajian ini, borang soal selidik hanya diedarkan dalam satu sesi kelas pengajian agama di setiap masjid yang dijadikan sampel kajian. Penyelidikan ini juga menggunakan kaedah pengamatan atau pemerhatian bagi memperolehi maklumat tambahan yang sukar diperolehi melalui temubual atau soal selidik.

Dapatan Kajian

Dari hasil kajian yang dilakukan terhadap 9 buah masjid yang terdapat di daerah Hulu Langat yang mana seramai 140 orang responden telah berkerjasama dengan menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Profil responden kajian ini adalah seperti yang digambarkan dalam Jadual 1 di bawah:

¹¹ Quṭb, Muhammad (1987), *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, c. 10. Beirut: Dār al-Shurūq, h. 15

¹² Al-Bannā (t.t), *op. cit.*, h. 56.



Jadual 1
Taburan Responden Yang Mengikuti Kelas Agama
(n = 140)

Perkara	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	103	73.6
Perempuan	37	26.4
Umur		
15 – 21 tahun	6	4.3
22 – 35 tahun	13	9.3
36 – 56 tahun	69	49.3
57 tahun ke atas	52	37.1
Lokasi Kediaman		
Bandar	32	22.8
Pekan/Pinggir Bandar	62	44.3
Desa/Kampung	46	32.9
Pendapatan Bulanan		
Tiada Pendapatan	20	14.3
RM1000 ke bawah	36	25.7
RM1001 hingga RM3000	60	42.9
RM3001 hingga RM5000	18	12.8
RM5001 hingga RM10,000	4	2.9
RM10,001 ke atas	2	1.4

Sumber: Soal selidik.

Jadual 1 menunjukkan hampir tiga perempat (73.6%) responden adalah lelaki dan 26.4% sahaja adalah perempuan. Menurut pemerhatian pengkaji, nisbah ini bersesuaian dengan kebiasaan yang berlaku dalam kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat, iaitu para pendengar lelaki lebih ramai berbanding dengan pendengar perempuan.

Jadual 1 juga menunjukkan 4.3% daripada responden adalah berumur dalam lingkungan 15-21 tahun (remaja) dan 9.3% daripada responden berumur dalam lingkungan 22-35 tahun (belia). Manakala responden kajian yang berumur dalam lingkungan 36-56 tahun (dewasa) adalah yang paling ramai (49.3%) menghadiri kelas agama di masjid, dan golongan yang berumur 57 tahun ke atas adalah yang kedua ramai iaitu 37.1% daripada responden kajian. Peratusan golongan remaja dan belia yang sedikit menjadi responden kajian ini menggambarkan bahawa golongan tersebut kurang menghadiri kelas pengajian agama di masjid.



Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat

Dalam jadual 1 menunjukkan responden yang tinggal di kawasan bandar adalah 31.4%, responden yang tinggal di kawasan pinggir bandar atau pekan kecil adalah 35.7% dan responden yang tinggal di kawasan kampung ialah 32.9%. Nisbah yang diperolehi adalah hampir seimbang, kerana proses pemilihan masjid sebagai sampel kajian di Daerah Hulu Langat dilakukan secara rawak berlapis, di mana setiap jenis lokasi tempat tinggal diambil 3 buah masjid sebagai sampel kajian.

Tentang pendapatan bulanan responden, jadual 1 menunjukkan terdapat 14.3% responden tiada mempunyai pendapatan. Satu perempat daripada responden (25.7%) mempunyai pendapatan bulanan dalam lingkungan RM1000 ke bawah. Manakala responden yang berpendapatan dalam lingkungan RM1001 hingga RM3000 adalah yang paling ramai iaitu 42.9% daripada responden. Responden yang berpendapatan RM3001 hingga RM5000 adalah 12.8%, responden yang berpendapatan RM 5001 hingga RM 10,000 adalah 2.9% dan hanya 1.4% sahaja responden yang berpendapatan RM10,001 ke atas. Oleh kerana sampel kajian ini diperolehi secara rawak mudah dan pengkaji tidak melakukan kawalan bagi mengimbangi nisbah jenis pendapatan, maka nisbah jenis pendapatan dalam kajian ini tidak menunjukkan nisbah yang hampir setara.

Sebelum responden menyatakan pandangan mereka secara terperinci mengenai perjalanan kelas agama di masjid, satu soalan umum telah diajukan kepada mereka. Soalan tersebut bertujuan untuk mengetahui persepsi responden secara umum terhadap kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat, Selangor. Dalam jadual 2 menunjukkan majoriti responden (81.4%) berpandangan kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat adalah bagus. Hal ini menunjukkan perjalanan kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat secara umumnya memenuhi cita rasa pendengar, di samping itu ianya juga membuktikan bahawa kebanyakan pihak pentadbiran masjid telah berjaya merancang program kelas agama dengan baik. Hanya seorang (0.7%) responden yang memberi jawapan "tidak bagus", dan begitu juga hanya seorang (0.7%) responden menjawab "tidak pasti". Manakala 17.1% daripada responden berpendapat kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat perlu diperbaiki. Walaupun tidak sampai satu perempat daripada responden yang menyatakan kelas agama perlu diperbaiki, namun pandangan tersebut perlu diberi perhatian kerana masih banyak perkara yang perlu diperbaiki dan dikemaskini bagi meningkatkan keberkesanannya.



Jadual 2
Persepsi Responden Yang Menghadiri Kelas Agama
Secara Umum Terhadap Kelas Agama
(n = 140)

Persepsi responden	Bilangan	Peratus
Bagus	114	81.4
Tidak bagus	1	0.7
Tidak pasti	1	0.7
Perlu diperbaiki	24	17.1

Sumber: Soal Selidik.

Persepsi Pendengar Terhadap Penceramah

Penceramah atau tenaga pengajar merupakan elemen utama dalam menjayakan kelas agama di masjid. Oleh itu, pihak pengurusan kelas agama di masjid perlulah berhati-hati dalam memilih penceramah kelas agama, supaya ianya lebih diminati oleh masyarakat amnya dan ahli jemaah masjid khususnya. Bagi melihat persepsi responden terhadap kualiti penceramah kelas agama, kajian ini telah menyenaraikan tiga ciri penceramah yang berkualiti iaitu:

1. Penceramah berjaya menyampaikan ilmu dengan jelas.
2. Penceramah mampu berkomunikasi dengan baik.
3. Penceramah disukai oleh ramai pendengar.
4. Jadual 3 menunjukkan bahawa majoriti (96.4%) daripada responden bersetuju bahawa penceramah kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat mampu menyampaikan ilmu dengan jelas. Hanya terdapat lima orang (3.6%) daripada responden menyatakan tidak pasti kepada kemampuan penceramah dalam menyampaikan ilmu dengan jelas dan tiada seorang pun daripada responden kajian menyatakan tidak bersetuju terhadap perkara tersebut. Hal ini menggambarkan bahawa pihak pentadbiran masjid telah berjaya memilih para penceramah kelas agama daripada kalangan mereka yang luas pengetahuan dalam bidang masing-masing.



Jadual 3
Persepsi Responden Yang Menghadiri Kelas Agama
Terhadap Penceramah
(n = 140)

Perkara	Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Tidak Setuju (%)
Penceramah berjaya menyampaikan ilmu dengan jelas.	135 (96.4)	5 (3.6)	0 (0.0)
Penceramah mampu berkomunikasi dengan baik.	136 (97.2)	3 (2.1)	1 (0.7)
Penceramah disukai oleh ramai pendengar.	114 (81.5)	24 (17.1)	2 (1.4)

Sumber: Soal selidik.

Menurut Imam Supaat Abdul Rahman, para penceramah kelas agama dipilih daripada kalangan yang berkelayakan yang mana kebanyakan mereka terdiri daripada kalangan pensyarah.¹³ Haji Awaluddin Maulud menjelaskan, guru-guru yang dipilih untuk mengajar di kelas agama mestilah mereka yang mencukupi syarat, antara syaratnya ialah mempunyai tauliah mengajar daripada JAIS.¹⁴ Haji Jalil bin Husin memberitahu, pihak Masjid Batu Sepuluh Cheras akan memastikan para penceramah yang berkelayakan sahaja yang dijemput mengajar dalam kelas agama.¹⁵ Pandangan Ustaz Ishak Ibrahim juga mempunyai persamaan dengan pandangan tersebut. Menurut beliau, pihak masjid akan memastikan mereka yang berkelayakan dan memiliki tauliah mengajar sahaja dijemput sebagai penceramah kelas agama.¹⁶

Dalam jadual 3 juga memaparkan hampir kesemua responden (97.2%) menyatakan bersetuju terhadap pernyataan yang menyatakan bahawa penceramah kelas agama di masjid mempunyai kemahiran komunikasi yang baik. Hanya tiga orang (2.1%) daripada responden menyatakan tidak pasti dan hanya seorang (0.7%) responden yang berpendapat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hasil soal selidik ini menggambarkan bahawa

¹³ Temubual dengan Imam Supaat Abdul Rahman pada 8 Februari 2004, pukul 2.00-2.30 pm, di Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi.

¹⁴ Temubual dengan Haji Awaluddin Maulud pada 6 Oktober 2004, pukul 10.00-10.30 am, di rumah beliau.

¹⁵ Temubual dengan Haji Jalil bin Husin pada 6 Oktober 2004, pukul 11.45-12.15 am, di rumah beliau.

¹⁶ Temubual dengan Ustaz Ishak Ibrahim pada 7 Oktober 2004, pukul 3.30-4.15 pm, di rumah beliau.



pihak pentadbiran masjid-masjid di Daerah Hulu Langat telah berjaya mendapatkan para penceramah yang memiliki kemahiran komunikasi yang baik dan berkesan. Imam Supaat Abdul Rahman menjelaskan, bahawa pihak pentadbiran Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi begitu berhati-hati dalam memilih penceramah kelas agama. Hanya mereka yang telah dikenalpasti memiliki kemahiran komunikasi yang baik dengan masyarakat sahaja akan dijemput mengajar di masjid.¹⁷ Menurut Haji Awaluddin Maulud, penceramah yang pandai berkomunikasi dengan masyarakat adalah diutamakan dalam pemilihan penceramah di masjid yang beliau bertugas. Oleh itu, sebelum penceramah itu dijemput mengajar, biasanya diselidiki terlebih dahulu personaliti penceramah tersebut.¹⁸ Haji Ramli Husin menyatakan, biasanya penceramah yang dijemput mengajar adalah mereka yang disukai oleh ramai pendengar. Ini kerana pihak masjid memilih penceramah kelas agama daripada mereka yang bijak berkomunikasi.¹⁹ Ustaz Abdullah bin Man menambah, di samping penceramah mempunyai kelayakan mengajar, penceramah juga mestilah pandai berkomunikasi dengan masyarakat setempat.²⁰

Jadual 3 juga menunjukkan majoriti (81.5%) daripada responden bersetuju bahawa penceramah kelas agama di masjid sangat disukai ramai oleh pendengar. Manakala responden yang menyatakan tidak pasti sebanyak 17.1%, dan hanya dua orang (1.4%) tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa penceramah kelas agama di masjid disukai ramai. Menurut Haji Awaluddin Maulud, penceramah yang disukai ramai diberi keutamaan untuk mengajar dalam kelas agama supaya para pendengar akan lebih berminat terhadap pengajian tersebut.²¹ Haji Ramli Husin menambah, penceramah yang kurang diminati para pendengar boleh menyebabkan kelas agama tidak mendapat sambutan yang baik.”²²

Pada pemerhatian pengkaji dalam satu sesi pengajian kelas agama di Masjid Jamek Kajang mendapati, setelah selesai pengajian kelas agama dijalankan ramai pendengar datang bersalam-salaman dengan penceramah sambil tersenyum serta tidak kurang juga yang mengucapkan terima kasih.²³ Ini menggambarkan bahawa penceramah tersebut telah berjaya menyampaikan ilmu dengan berkesan dan memikat hati para pendengar.

¹⁷ Temubual dengan Imam Supaat Abdul Rahman di masjid, pada 8 Ogos 2004.

¹⁸ Temubual dengan Haji Awaluddin Maulud di rumahnya, pada 6 Oktober 2004.

¹⁹ Temubual dengan Haji Ramli Husin di masjid, pada 7 Oktober 2004.

²⁰ Temubual dengan Ustaz Abdullah Man di rumahnya, pada 8 Oktober 2004.

²¹ Temubual dengan Haji Awaluddin Maulud di rumahnya, pada 6 Oktober 2004.

²² Temubual dengan Haji Ramli Husin di masjid, pada 7 Oktober 2004.

²³ Pemerhatian dilakukan di Masjid Jamek Kajang, pada Oktober 2004.



Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat

Kesimpulannya, kualiti penceramah kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat adalah memuaskan dan disukai ramai. Kebanyakan mereka mampu menyampaikan ilmu dengan jelas serta mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan masyarakat. Hal ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa kebanyakan pihak pengurusan masjid berjaya mendapatkan tenaga pengajar yang berkualiti untuk mengajar di masjid mereka.

Persepsi pendengar Terhadap Pengisian

Pengisian kelas agama merupakan salah satu elemen penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Dalam konteks dakwah kepada masyarakat ianya merupakan kandungan (*mawdū*) dakwah yang disampaikan kepada sasaran dakwah.

Jadual 4
Persepsi Responden Yang Menghadiri Kelas Agama
Terhadap Pengisian
(n = 140)

Perkara	Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Tidak Setuju (%)
Pengisian kelas agama kebanyakannya ilmu fardhu ain & fardhu kifayah.	118 (84.3)	8 (5.7)	14 (10.0)
Pengisiannya membicarakan hal-hal semasa dalam Islam	111 (79.3)	17 (12.1)	12 (8.6)
Pengisiannya sesuai untuk semua golongan.	128 (91.4)	7 (5.0)	5 (3.6)

Sumber: Soal selidik.

Pada jadual 4 di atas menunjukkan majoriti (84.3%) daripada responden bersetuju bahawa pengisian kelas agama di masjid kebanyakannya mengenai ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Hanya 5.7% daripada responden menyatakan tidak pasti dan hanya 10.0% responden yang menyatakan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Ini menggambarkan pengisian kelas agama sangat sesuai untuk masyarakat setempat menambahkan ilmu agama mereka sama ada ilmu-ilmu yang membicarakan fardhu ain dan fardhu kifayah seorang Muslim. Hasil kajian melalui soal selidik di atas mempunyai persamaan dengan hasil kajian melalui temu bual, di mana kebanyakan



informan kajian menyatakan pengisian kelas agama kebanyakannya adalah ilmu-ilmu mengenai fardhu ain dan fardhu kifayah. Sebagai contoh, Imam Supaat Abdul Rahman menyatakan bahawa pengisian dalam kelas agama adalah ilmu-ilmu mengenai akidah, ibadat, muamalat, jenayah dan akhlak.²⁴ Ustaz Ishak Ibrahim juga menjelaskan bahawa antara pengisian dalam kelas agama ialah ilmu al-Qur'an dan tajwid, ilmu fekah mazhab Syafie, tauhid, tasawwuf dan sirah nabi Muhammad s.a.w..²⁵

Dari jadual pengajian kelas agama yang dikeluarkan oleh Masjid Jamek Kajang juga menyokong hasil dapatan kajian tersebut. Menurut senarai pengajian dalam senarai tersebut, pengisian kelas agama di Masjid Jamek Kajang ialah pengajian tafsir, Hadith, tauhid atau akidah, sirah rasul, dakwah, tasawuf dan fekah.²⁶ Manakala tinjauan pengkaji pada papan kenyataan di Masjid Sungai Sekamat,²⁷ Masjid Batu Sepuluh Cheras,²⁸ dan Masjid Manbaiel Uloom Cheras Jaya,²⁹ mendapati pengisian kelas agama di masjid-masjid tersebut ialah ilmu-ilmu mengenai fardhu ain dan fardhu kifayah. Antara pengajian kelas agama yang diadakan di masjid-masjid tersebut adalah mengenai ilmu agama yang membicarakan tentang tauhid, fekah, tafsir al-Qur'an, Hadith, tasawwuf dan tajwid.

Jadual 4 juga menunjukkan pandangan responden terhadap pengisian kelas agama di masjid ialah perkara-perkara semasa dalam Islam. Hasil kajian dari soal selidik mendapati kebanyakan responden (79.3%) bersetuju mengenai kenyataan tersebut. Manakala responden yang memberi jawapan tidak pasti ialah 12.1%, dan responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan di atas ialah 8.6% sahaja. Ini menggambarkan pengisian kelas agama bukanlah membicarakan ilmu-ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah sahaja. Namun ianya juga membicarakan hal-hal semasa yang berkaitan dengan Islam dan umat Islam. Menurut Imam Supaat Abdul Rahman, pengisian kelas agama tidaklah terbatas dalam membicarakan ilmu-ilmu agama semata-mata, kebanyakan penceramah sering kali menyentuh permasalahan sosial umat Islam secara tidak langsung.³⁰

²⁴ Temubual dengan Imam Supaat Abdul Rahman di masjid, pada 8 Oktober 2004.

²⁵ Temubual dengan Ustaz Ishak Ibrahim di rumahnya, pada 7 Oktober 2004.

²⁶ Laporan tahunan Masjid Jamek Pekan Kajang, dalam Lampiran C (Jadual Ceramah MJPK: Oktober 2003 – September 2004).

²⁷ Tinjauan dilakukan ke atas Masjid Sungai Sekamat, pada hari Isnin 6 September 2004, pukul 2.00 pm.

²⁸ Tinjauan dilakukan ke atas Masjid Batu Sepuluh Cheras, pada hari Selasa 7 September 2004, pukul 5.00 pm.

²⁹ Tinjauan dilakukan ke atas Masjid Manbaiel Uloom Cheras Jaya, pada hari Isnin 4 Oktober 2004, pukul 11.00 am.

³⁰ Temubual dengan Imam Supaat Abdul Rahman di masjid, pada 8 Oktober 2004.



Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat

Dalam jadual 4 juga menunjukkan majoriti responden (91.4%) bersetuju dengan kenyataan bahawa pengisian kelas agama di masjid sesuai untuk semua golongan. Hanya terdapat 5.0% daripada responden kajian yang menjawab tidak pasti, dan hanya 3.6% daripada responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hasil kajian ini menggambarkan kebanyakan pihak pengurusan masjid-masjid Daerah Hulu Langat telah berjaya merancang pengisian kelas agama dengan baik agar ianya sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

Dari pemerhatian pengkaji di beberapa buah masjid di Daerah Hulu Langat juga menyokong hasil kajian soal selidik di atas. Di mana dari pemerhatian pengkaji mendapati kebanyakan pendengar atau pelajar kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat terdiri daripada golongan dewasa dan pesara.³¹ Namun begitu, terdapat juga sebahagian kecil pendengar yang terdiri daripada golongan belia dan remaja. Ini menunjukkan perbincangan dalam kelas agama dapat difahami dan diikuti oleh semua golongan.

Persepsi responden terhadap pengisian kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat dapatlah dirumuskan bahawa pengisian kelas agama adalah perkara-perkara yang berkaitan ilmu agama mengenai fardhu ain dan fardhu kifayah seorang Muslim, serta terdapat juga perbincangan secara tidak langsung mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan Islam dan umat Islam. Kebanyakan responden juga bersetuju dengan pernyataan bahawa pengisian kelas agama sesuai untuk semua golongan masyarakat Islam setempat.

Persepsi Pendengar Terhadap Teknik Pengajaran

Mengenai teknik pengajaran kelas agama di masjid, pengkaji mengemukakan dua soalan iaitu: Pertama, adakah pengajaran kelas agama perlu mengaplikasi kemudahan ICT (*Information Communication Technology*) dengan menggunakan alat bantu mengajar seperti OHP (*Overhead Projector*) atau LCD (*Liquid Crystal Display*)? Kedua, adakah pengajaran kelas agama perlu dilampirkan nota ringkas (*hand-out*) kepada pendengar? Dalam jadual 3.9 dipaparkan jawapan responden terhadap tiga persoalan tersebut.

³¹ Pemerhatian dilakukan ketika mengajar kuliah maghrib di Masjid Jamek Pekan Kajang dan Masjid Sungai Sekamat dalam bulan Mac 2005.



Jadual 5
Persepsi Responden Yang Menghadiri Kelas Agama
Terhadap Teknik Pengajaran
(n = 140)

Perkara	Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Tidak Setuju (%)
Perlu menggunakan alat bantu mengajar (OHP/LCD)	89 (63.6)	26 (18.6)	25 (17.8)
Perlu dilampirkan nota ringkas pengajian	124 (88.6)	10 (7.1)	6 (4.3)

Sumber: Soal selidik.

Tentang persoalan adakah proses pengajaran dalam kelas agama perlu menggunakan alat bantu mengajar seperti OHP atau LCD? Jadual 5 di atas memaparkan bahawa kebanyakan responden (63.6%) menyatakan bersetuju sekiranya pengajaran kelas agama di masjid menggunakan alat bantu mengajar seperti OHP dan LCD. Manakala responden yang menjawab tidak pasti adalah 18.6%, dan mereka yang menyatakan tidak bersetuju adalah 17.8%. Hasil kajian ini memberi gambaran bahawa kebanyakan daripada responden ingin melihat perubahan kepada teknik pengajaran kelas agama sesuai dengan peredaran zaman, iaitu dengan mengaplikasikan kemudahan ICT dalam proses pembelajaran dan pengajaran di kelas agama masjid-masjid Daerah Hulu Langat.

Menurut Haji Awaluddin Maulud, bahawa penggunaan alat bantu mengajar seperti OHP dan LCD boleh dicuba dalam kelas agama, tetapi tidak ramai penceramah yang suka menggunakannya.³² Imam Supaat Abdul Rahman menyatakan, bahawa beliau bersetuju sekiranya ada penceramah mahu menggunakan LCD ketika mengajar dalam kelas agama, tetapi bukan untuk semua subjek.³³ Dalam perbualan pengkaji dengan dua orang penduduk di sekitar Bandar Kajang iaitu Haji Shahril dan Ustaz Sabri Abd Rahman, kedua-dua mereka bersetuju sekiranya proses pengajaran dalam kelas agama di masjid menggunakan alat bantu mengajar seperti OHP dan LCD. Menurut Haji Shahril, penggunaan alat bantu mengajar seperti LCD dapat menarik minat ahli jemaah masjid untuk mengikuti kelas pengajian, kerana penceramah boleh sertakan gambar dan bunyi ketika penyampaian. Ustaz Sabri Abdul Rahman pula berpendapat adalah bagus sekiranya penceramah mampu menggunakan LCD dalam pengajaran

³² Temubual dengan Haji Awaluddin Maulud di rumahnya, pada 6 Oktober 2005.

³³ Temubual dengan Imam Supaat Abdul Rahman di masjid, pada 8 Ogos 2004.



Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat mereka di masjid, tetapi bukanlah semua subjek yang diajar dalam kelas agama di masjid sesuai menggunakan alat bantu mengajar tersebut.³⁴

Jadual 5 juga memaparkan bahawa majoriti responden (88.6%) daripada responden bersetuju nota ringkas perlu diedarkan kepada pendengar semasa pengajian dalam kelas agama di masjid. Manakala responden yang menjawab tidak pasti mengenai cadangan tersebut adalah 7.1%, dan mereka yang menyatakan tidak bersetuju adalah 4.3%. Hasil kajian ini juga menunjukkan pendengar atau pelajar kelas agama begitu meminati tajuk-tajuk yang disampaikan. Oleh itu, kebanyakan mereka bersetuju sekiranya penceramah menyediakan nota ringkas agar mereka dapat mengikuti pengajian dengan lebih berkesan. Menurut Ustaz Abdullah Man, penyediaan nota ringkas untuk para pendengar kelas agama adalah baik dan ianya boleh membantu mereka untuk lebih memahami pengajian yang disampaikan. Di samping itu, ianya juga dapat menarik minat pendengar untuk mengikuti sambungan pengajian pada masa akan datang.³⁵ Haji Awaluddin Maulud juga bersetuju dengan perkara tersebut, beliau berpendapat bahawa pihak pengurusan masjid perlulah memberi kerjasama kepada penceramah kelas agama dengan menyediakan mesin fotostat bagi memudahkan proses penyediaan nota ringkas tersebut.³⁶

Dalam satu perbualan pengkaji dengan Encik Ismail Muda, beliau telah mengemukakan cadangan tersebut. Menurut beliau, alangkah baiknya kalau penceramah kelas agama dapat menyediakan nota ringkas kepada para hadirin yang mengikuti ceramah dalam kelas agama di masjid. Dengan adanya nota ringkas (*hand-out*) para pendengar akan lebih cepat memahami pengajian yang disampaikan oleh penceramah kelas agama.³⁷

Kesimpulannya, kajian ini mendapati kebanyakan responden beranggapan bahawa penggunaan alat bantu mengajar seperti OHP dan LCD perlu diaplikasikan dalam kelas agama di masjid sesuai dengan peredaran zaman. Kajian juga mendapati majoriti responden bersetuju

³⁴ Perbualan berlaku di hadapan Sek. Keb. Seri Sekamat ketika pengkaji bersama-sama Tuan Haji Shahril (pesara pensyarah UPM) dan Ustaz Sabri (pensyarah UKM) menunggu anak-anak menduduki peperiksaan UPSR pada 6 September 2004.

³⁵ Temubual dengan Ustaz Abdullah Man pada 8 Oktober 2004, jam 10.00-10.30 am, di rumah beliau.

³⁶ Temubual dengan Hj Awaluddin Maulud pada 6 Oktober 2004, jam 10.00-10.30 am, di rumah beliau.

³⁷ Perbualan berlaku ketika Encik Ismail Muda menumpang kenderaan pengkaji untuk ke satu destinasi. Beliau adalah kenalan pengkaji dan bekerja sebagai usahawan. Perbualan berlaku pada 15 Disember 2004, jam 2.00-2.30 pm.



pengajian kelas agama perlu dilampirkan dengan nota ringkas untuk para pendengar bagi menambah keberkesanannya.

Persepsi Pendengar Terhadap Waktu Pengajian

Sebahagian ahli masyarakat memberi alasan tidak dapat mengikuti kelas agama di masjid kerana waktu pengajiannya tidak bertepatan dengan waktu lapang mereka. Untuk mengetahui adakah waktu pengajian kelas agama sesuai kepada masyarakat setempat, pengkaji telah mengajukan tiga soalan kepada responden mengenai waktu pengajian kelas agama. Hasil kajian mengenainya dibentangkan dalam jadual 6.

Jadual 6
Persepsi Responden Yang Menghadiri Kelas Agama
Terhadap Waktu Pengajian
(n = 140)

Perkara	Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Tidak Setuju (%)
Hanya sesuai untuk golongan tua/pesara.	33 (16.4)	9 (6.4)	108 (77.2)
Sesuai untuk golongan remaja dan belia.	53 (37.8)	26 (18.6)	61 (43.6)
Sesuai untuk semua golongan masyarakat.	122 (87.1)	12 (8.6)	6 (4.3)

Sumber: Soal selidik.

Jadual 6 menunjukkan 16.4% daripada responden bersetuju dengan pernyataan bahawa masa kelas agama di masjid hanya sesuai untuk golongan tua atau pesara. Hanya 6.4% daripada responden memberi jawapan “tidak pasti”. Manakala kebanyakan responden (77.2%) tidak bersetuju terhadap tanggapan bahawa waktu kelas agama hanya sesuai untuk golongan tua atau pesara sahaja. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa waktu pengajian kelas agama di masjid yang ada sekarang adalah sesuai untuk semua golongan dan tidak terbatas hanya untuk golongan tua atau pesara sahaja.

Tentang pernyataan bahawa waktu pengajian kelas agama di masjid sesuai kepada golongan remaja dan belia. Kajian mendapati 37.8% responden bersetuju bahawa waktu pengajian kelas agama sesuai untuk golongan remaja dan belia. Terdapat 18.6% daripada responden menyatakan tidak pasti. Manakala responden yang menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan bahawa waktu pengajian kelas agama di masjid



Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat sesuai terhadap golongan remaja dan belia adalah 43.6%. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden yang menyatakan setuju dan tidak setuju adalah hampir sama. Ini menggambarkan bahawa sebahagian responden berpendapat waktu pengajian kelas agama tidak sesuai untuk para remaja dan sebahagian lagi beranggapan sebaliknya.

Menurut Imam Supaat Abdul Rahman, kelas agama bukanlah diadakan untuk memenuhi keperluan golongan pesara atau warga emas sahaja, ianya adalah untuk semua golongan dan semua lapisan masyarakat. Beliau menambah, sebagai contoh kelas agama di Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi tempat beliau bertugas telah dihadiri oleh golongan belia yang bekerja di kilang-kilang sekitar Bandar Baru Bangi. Ini menunjukkan waktu pengajian kelas agama di masjid juga sesuai untuk golongan belia dan remaja.³⁸

Jadual 6 juga menunjukkan majoriti (87.1%) daripada responden bersetuju pada pernyataan bahawa waktu pengajian kelas agama di masjid adalah sesuai untuk semua golongan masyarakat. Hanya terdapat 8.6% responden yang menyatakan tidak pasti dan hanya 4.3% responden menyatakan tidak setuju dengan pernyataan di atas. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa pihak pentadbiran masjid telah berjaya memilih waktu yang sesuai untuk semua golongan mengikuti kelas pengajian agama. Haji Awaluddin Maulud menjelaskan, waktu pengajian kelas agama di masjid selepas Maghrib adalah sesuai untuk semua golongan.³⁹ Pendapat tersebut juga disokong oleh Haji Ramli Husin, menurut beliau waktu pengajian kelas agama amat sesuai kepada semua lapisan masyarakat.⁴⁰

Sebagai kesimpulan, kebanyakan responden tidak bersetuju terhadap pernyataan bahawa waktu pengajian kelas agama di masjid hanya sesuai untuk golongan tua sahaja dan kebanyakan responden bersetuju bahawa kelas agama adalah sesuai untuk semua golongan. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa tanggapan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa kelas agama di masjid tidak sesuai untuk golongan belia dan remaja adalah tidak tepat.

³⁸ Temubual dengan Imam Supaat Ab. Rahman di masjid, pada 8 Ogos 2004.

³⁹ Temubual dengan Haji Awaluddin Maulud di rumahnya, pada 6 Oktober 2004.

⁴⁰ Temubual dengan Haji Ramli Husin di masjid, pada 7 Oktober 2004.



KESIMPULAN

Dapatan kajian mengenai persepsi pendengar kelas agama terhadap pengajian di masjid Daerah Hulu Langat adalah seperti berikut:

- i. Pandangan secara umum terhadap kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat mendapati majoriti (81.4%) daripada 140 responden berpendapat ianya adalah bagus dan hanya 17.1% sahaja yang berpendapat ianya perlu diperbaiki.
- ii. Kajian mendapati tenaga pengajar atau penceramah kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat, kebanyakannya adalah penceramah yang berkualiti dan disukai ramai.
- iii. Dari aspek pengisian atau subjek kelas agama pula, kajian ini mendapati bahawa pengisian kelas agama di masjid-masjid Daerah Hulu Langat adalah perkara-perkara yang berkaitan ilmu agama yang merangkumi ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah.
- iv. Kajian ini juga menunjukkan terdapat perkara-perkara yang berkaitan isu semasa mengenai Islam dan umat Islam dibincangkan dalam kelas agama. Ini membuktikan bahawa pengisian kelas agama yang dijalankan memenuhi keperluan masyarakat setempat dan ianya relevan dengan perubahan semasa dan peredaran zaman.
- v. Dari aspek teknik pengajaran kelas agama, kajian ini mendapati kebanyakan responden beranggapan penggunaan alat bantu mengajar seperti OHP dan LCD perlu diaplakasikan dalam pengajaran kelas agama di masjid. Kajian ini juga mendapati majoriti responden beranggapan pengajian kelas agama perlu dilampirkan dengan nota ringkas untuk para pendengar.
- vi. Kajian ini juga mendapati kebanyakan responden tidak bersetuju terhadap pandangan yang menyatakan bahawa waktu kelas agama hanya sesuai untuk golongan tua sahaja, dan kebanyakan responden bersetuju bahawa kelas agama di Masjid Daerah Hulu Langat sesuai untuk semua lapisan masyarakat.



RUJUKAN

- Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*, Selangor: Al-Rahmaniah (Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia).
- Al-Abrašī, Muḥammad Ḥatīyyah (1976), *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Falsafatuhā*, Kaherah: Maṭba`ah al-Ḥalabī.
- Ahmad Mohd Salleh (1997), *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Matlamat*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Amin, Jum`ah (1989), *al-Da`wah Qawā'id wa Uṣūl*, c.2. Iskandariah: Dār al-Da`wah.
- Al-Bannā, Ḥasan (t.t.), *Majmū`ah Rasā'il al-Imam al-Shāhid Ḥasan al-Bannā*. Kaherah: Dār Shihāb.
- Al-Ghazālī, Muḥammad (1987), *Dustūr al-Wihdah al-Thaqāfah Bayn al-Muslimīn*, Damsyik: Dār al-Qalam.
- Ibn Khaldun (2002), *Mukadimah Ibn Khaldun*, (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qarādāwī, Yūsuf (1986), *Thaqāfah al-Dā`iyah*, c. 8. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Quṭb, Muḥammad (1987), *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, c. 10. Beirut: Dār al-Shurūq.
- Teuku Iskandar (2002), *Kamus Dewan: Edisi Ketiga*, c. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

